

**Debat Antara Kaum Tidak Akan Mendatangkan Hasil, Kata Dr Mahathir
Bernama
20 Februari , 2012**

PUTRAJAYA, 20 Feb (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata perdebatan antara kaum tidak akan mendatangkan apa-apa hasil kerana setiap kaum di Malaysia akan tetap dan sentiasa berpegang dengan pendirian masing-masing.

"Kalau kita lakukannya pun (perdebatan antara kaum), kesannya tidak ada, ia (boleh) jadi memburukkan (lagi) keadaan, masing-masing masih berpegang dengan pendirian masing-masing," katanya.

Dr Mahathir yang sebelum itu mengadakan perjumpaan tertutup dengan wakil Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas sama ada perdebatan antara kaum boleh diadakan.

Ketika ditanya mengenai debat antara Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dicadangkan pembangkang, Dr Mahathir berkata debat itu tidak perlu diadakan kerana pendirian Anwar terhadap banyak isu memang sudah diketahui ramai.

"Beliau boleh jadi apa sahaja, beliau umpama sumpah-sumpah, beliau bertukar warna setiap masa. Apabila beliau bersama dengan orang India, beliau menjadi orang India, apabila beliau bersama dengan orang Islam, beliau akan memberi ceramah mengenai Islam. Apa yang mereka perjuangkan ialah untuk menjadikan beliau Perdana Menteri, itu sahaja," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=646819>